

**KAJIAN PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN DIKALANGAN
PELAJAR DI UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
KAMPUS SAMARAHAN, CAWANGAN SARAWAK**

DI BUAT OLEH:

SUHAILA OTHMAN	99025352
NORLIZA HARIS FADZILLAH	99163194
SITI MAZIYYAH HASBI	99163274
DIANA ALBERT ENTIKA	99024992

KERTAS KERJA INI ADALAH SEBAGAI SATU SYARAT UNTUK
MENDAPATKAN DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM DI DALAM FAKULTI
PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG.

KANDUNGAN	MUKA SURAT
PENGHARGAAN ✓	i-ii
KANDUNGAN ✗	iii-iv
SENARAI JADUAL ✗	v
SENARAI SINGKATAN ✗ ✓	v
SENARAI LAMPIRAN ✗	vi
SUSUNAN BAB ✗	vii

BAB 1 : PENGENALAN ✓

1.1) PENGENALAN KAJIAN	intro ✗	1-2
1.2) OBJEKTIF KAJIAN ✓	✗	3-4
1.3) HIPOTESIS		5
1.4) SKOP KAJIAN	✗	6
1.5) METHODOLOGI	/	7-9
1.6) TINJAUAN LITERATURE		10-11
1.7) KONSTREN KAJIAN		12-1

SUSUNAN BAB

Di sini kami ingin meringkaskan hasil kerja kami agar lebih mudah untuk difahami oleh para pembaca dengan membahagikan bab-bab dalam kajian kami ini kepada tiga bahagian mengikut urutan dan keutamaan.

Di dalam bab satu, kami telah menyentuh tentang pengenalan kajian secara menyeluruh iaitu mengenai pengenalan kajian, latarbelakang kajian, objektif kajian, hipotesis, skop kajian, metodologi, tinjauan literature dan konstren kajian. Sebelum mengetahui secara lanjut mengenai kajian kami ini, bab ini adalah bab utama yang menerangkan apakah kajian kami yang sebenarnya.

Bab yang kedua pula menerangkan mengenai sejarah kawasan kajian iaitu perpustakaan UiTM kampus Samarahan cawangan Sarawak. Di dalam bab ini juga diterangkan mengenai carta organisasi, visi, objektif serta falsafah pihak pengurusan perpustakaan berkenaan.

Bab tiga adalah berkenaan dengan analisis data yang kami perolehi melalui borang soal selidik yang diedarkan kepada para responden yang telah terpilih bagi menjalankan kajian kami ini. Di sini juga menerangkan data analisis hasil temuramah kami bersama pustakawan di perpustakaan kampus berkenaan.

Di dalam bab ini juga kami telah membuat kesimpulan berhubung dengan kajian kami ini.

BAB 1

1.1) PENGENALAN KAJIAN

Perpustakaan ditakrifkan sebagai gedung ilmu pengetahuan. Di situlah kita dapat menemui pelbagai sumber ilmu daripada berbagai-bagai bidang ilmiah seperti ekonomi, politik, sains, sastera, agama, sejarah, undang-undang dan lain-lain lagi.

Dewasa ini, peranan perpustakaan semakin meningkat berikutan perkembangan kesedaran dalam aspek pembacaan. Perpustakaan bukan sahaja mengandungi buku-buku, majalah dan akhbar yang ditulis dalam pelbagai bahasa tetapi kini perpustakaan dilengkapi dengan peralatan moden sains dan teknologi seperti pita rakaman, pita video, teknologi internet, filem, mikrofilem, alat pandang dengar dan lain-lain. Semua kelengkapan ini adalah bertujuan untuk menarik minat individu serta untuk kegunaan bagi menjalankan kajian bagi para pelajar agar memanfaatkan kepentingan perpustakaan dalam kehidupan seharian. Kini, dengan wujudnya sistem internet yang serba canggih para pelajar dapat memperolehi maklumat berkaitan pengajian mereka. Contohnya di UiTM, perpustakaan dilengkapi dengan kemudahan internet yang membolehkan para pelajar mendapatkan maklumat untuk melengkapkan maklumat yang diperlukan bagi tujuan kajian mereka.

Berbagai-bagai jenis perpustakaan wujud di negara ini, iaitu perpustakaan sekolah, perpustakaan pusat pengajian tinggi, perpustakaan awam serta lain-lain. Bagi penduduk luar bandar, perpustakaan bergerak disediakan oleh pihak kerajaan bagi membolehkan mereka menimba ilmu dari

1.2) OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian kami yang kami jalankan adalah seperti berikut:

Untuk mengkaji sejauh mana sumber rujukan perpustakaan di perpustakaan UiTM Kampus Samarahan adalah mencukupi bagi para pelajar membuat rujukan. Tujuan kami adalah untuk mengetahui sama ada peruntukan bahan sumber rujukan di perpustakaan UiTM adalah mencukupi bagi kegunaan pihak pelajar di kampus ini. Peruntukan yang diberi kepada pihak pengurusan adalah terhad dimana bagi setiap tajuk buku hanya dibenarkan sebanyak 5 buah.

Objektif kedua adalah mengkaji samada perkhidmatan yang disediakan atau diberikan adalah memuaskan dan menepati keperluan para pelajar yang menggunakan perkhidmatan di perpustakaan ini. Keperluan para pelajar untuk mengaplikasi maklumat melalui sistem perkhidmatan yang canggih seperti internet adalah amat penting bagi tujuan pembelajaran yang efisien, jadi dengan itu kami ingin mengetahui sama ada perkhidmatan yang diberikan adalah memuaskan dan menepati keperluan para pelajar.

Objektif ketiga mengetahui peratusan bilangan pelajar yang menggunakan kemudahan perpustakaan sepenuhnya di UiTM. Adalah penting bagi dalam kajian ini untuk mengetahui peningkatan jumlah dalam peratus penggunaan pelajar dalam menggunakan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak pengurusan perpustakaan UiTM kampus Samarahan.

Objektif keempat mengetahui masalah dalam penggunaan kemudahan perpustakaan serta apakah masalah yang sering dihadapi oleh para pelajar. Di sini kami ingin mengetahui apakah masalah yang dihadapi oleh para pelajar